

# ISU DAN CABARAN PENDIDIKAN REMAJA MUSLIM DI MALAYSIA

## *(Issues and Challenges on Muslim Teenagers' Education in Malaysia)*

Aizan binti Ali @ Mat Zin\*  
Murni binti Buchik\*\*

### **Abstrak**

*Remaja muslim adalah aset negara yang perlu dibangunkan identitinya sesuai dengan perkembangan dan keperluan negara bertamadun. Kejayaan sesebuah negara di masa hadapan adalah terletak kepada kualiti dan daya tahan generasi remaja dalam memimpin masyarakat ke arah kejayaan. Sejarah ketamadunan Islam memaparkan kejayaan Rasulullah SAW membentuk Zubair bin al Awwam dan Talhah bin Ubaidullah yang memiliki identiti remaja hebat. Artikel ini menggunakan kaedah soal selidik. Terdapat 41 item soalan dalam set soal selidik berkenaan yang dibahagikan kepada 3 bahagian. Bahagian I, berkaitan dengan latar belakang responden, manakala bahagian II dan bahagian III meneroka impak pembelajaran sirah ke atas diri remaja. Hasil dapatan menunjukkan bahawa potensi silibus pendidikan dalam pembentukan identiti diri remaja muslim di Malaysia adalah sederhana. Kesimpulannya, kajian mencadangkan agar pembelajaran sirah bukan sekadar diteruskan malah harus dipertingkatkan kandungan yang berkaitan dengan kisah-kisah remaja Islam pada zaman awal Islam sebagai teladan.*

**Kata kunci :** *Pembangunan Islam, Pendidikan Islam, Malaysia, Tamadun Islam, Remaja Muslim*

### **Abstract**

*Muslim teenagers are national asset and of paramount importance to nurture their identity in line with the needs of civilized nation. History of Islamic civilization exhibits that Rasulullah SAW had succeeded in nurturing Zubair bin al Awwam and Talhah bin Ubaidullah as exemplars to teenagers. This article is an extract of a study that collected data by using questionnaires method. There are 41 items in question sets which is divided into three parts. Part I; deals with the background of the respondents, while part II and part III exploring the effect of learning history on teenagers. The results indicate the impact are moderate. In conclusion, it seems that sirah subject not only sustain to exist in the curriculum but need to be improve and add more teenagers exemplars.*

**Keywords :** *Islamic Development, Islamic Education, Malaysia, Islamic Civilization, Muslim Teenagers*

### **Pendahuluan**

Artikel ini menfokuskan isu dan cabaran pembangunan identiti remaja muslim Malaysia. Pembangunan identiti remaja dipengaruhi oleh beberapa faktor. Abraham Maslow (1908-1970) membentangkan teori hirarki keperluan manusia dalam pendidikan telah meletakkan pembentukan identiti di tempat yang teratas. Identiti adalah lambang kualiti diri individu yang membezakannya daripada individu yang lain.<sup>1</sup> Justeru memperkenalkan identiti atau mengasingkannya boleh mempengaruhi budaya yang meresapi dan membentuk identiti remaja Muslim. Pendidikan formal dan tidak formal turut berperanan membentuk ideologi serta identiti individu.<sup>2</sup>

Kesedaran masyarakat dalam pemeraksanaan identiti diri remaja muslim, memberi implikasi kepada usaha mempergiatkan lagi sistem pendidikan negara. Ini kerana, pendidikan merupakan alat terpenting untuk membangunkan potensi manusia dan seterusnya menghasilkan modal insan yang memenuhi ciri-ciri Islam dan meningkatkan peradaban bangsa yang pelbagai di Malaysia.

Remaja adalah aset penting negara kerana merekalah yang akan mencorakkan jatuh bangunnya tamadun bangsa ini di masa hadapan kerana mereka pewaris kepimpinan negara. Perkembangan semasa remaja haruslah diteliti semula kerana ia dilihat sebagai satu kepentingan jangka panjang yang perlu diurus sebaik mungkin. Kecelaruhan identiti yang dihadapi oleh remaja masa kini cukup membimbangkan. Justeru itu, kepentingan

---

\* Aizan binti Ali @ Mat Zin, Ph.D, Pensyarah Kanan, Jabatan Sejarah & Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Email: [aizan@um.edu.my](mailto:aizan@um.edu.my)

\*\* Murni binti Buchik, Calon Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur

<sup>1</sup> <http://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/identity>

<sup>2</sup> <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=identiti>

pengurusan kecelaruan dalam aspek remaja ini perlu diteliti semula dan ditangani dengan bijak. Penyelesaian yang dilakukan, perlulah melihat kepada semua aspek dan bukanlah hanya penyelesaian sementara yang akhirnya remaja masih mengalami sindrom lupa diri kerana berilmu cetek dan kurang beradab.

Oleh kerana itu, tahap sendiri positif yang ada pada para remaja, dilihat mampu dijadikan sebagai kayu pengukur kepada pengaruh pembentukan identiti diri yang ada pada setiap remaja muslim. Tahap kesedaran sendiri adalah keadaan di mana seseorang mempunyai pengetahuan mengenai kesedaran, kefahaman mengenai dirinya, persekitrannya dan penciptanya.

Namun tidak dinafikan juga, melalui perkembangan sendiri setiap manusia sudah pasti akan terpengaruh oleh pelbagai faktor yang mampu mempengaruhi identiti diri mereka. Permasalahannya di sini, terdapat dua kecelaruan yang dialami oleh remaja iaitu celaru indentiti dan celaru salah laku. Menurut Mahmood Nazar,<sup>3</sup> kecelaruan ini berlaku kerana kita berhadapan dengan cabaran yang dicituskan oleh falsafah dan sains Barat Modern, termasuk teknologi dan ideologinya. Cabaran ini mengancam nilai, perilaku, pemikiran, kepercayaan dan cara hidup kita supaya kita berubah dengan kehendak pandangan alam sekular ini.

Sistem pendidikan yang menjadi teras pembinaan dan perkembangan ilmu pengetahuan semakin terdesak bagi menangani krisis kecelaruan yang dialami remaja. Namun, masalah pendidikan tidak seharusnya dilihat sebagai satu tompokan besar pada Kementerian Pendidikan sahaja, kerana ia adalah isu yang saling berkait antara satu sama lain untuk kita bersama menanganinya.

Menurut Asmah Haji Omar<sup>4</sup>, dalam suasana Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya, keperluan persefahaman dan sikap tolak ansur serta saling hormat-menghormati antara satu sama lain amat kritikal bagi menghalang sebarang ancaman kepada keharmonian yang dinikmati. Sebarang perasaan tidak puas hati, gelisah dan kebencian harus segera dipadamkan kerana ia boleh memercikkan gelombang kemarahan yang menyeluruh untuk dikongsi oleh sesuatu kaum yang merasakan ketidakadilan itu. Peristiwa 13 Mei 1969 menjadi satu pengajaran berguna dalam hal ini.

Lantaran inilah, pengkaji melihat realiti masyarakat Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya perlu difahami oleh generasi muda yang akan meneruskan kesinambungan negara ini. Hasil dari kefahaman ini akan mewujudkan perpaduan dan mengukuhkan lagi hubungan antara kaum di Malaysia. Secara idealnya, harapan ini menjadi landasan bagi meneruskan kejayaan Malaysia. Malangnya, kalangan generasi muda Malaysia hari ini, terutamanya remaja sekolah kurang integrasi antara kaum dan bibit-bibit polarisasi mulai muncul. Integrasi pelajar Melayu dengan pelajar India, china dan lain-lain mulai hilang. Masing-masing membentuk kumpulan masing-masing dan hanya berinteraksi dalam kumpulan sendiri sahaja. Sekiranya keadaan ini berterusan, maka dibimbangi masa depan akan terbentuknya semula perasaan prajudis sebagaimana dikongsi oleh penduduk Malaya dalam tahun-tahun 60an dahulu. Akibatnya, amat jelas terpahat dalam sejarah negara.

Kekeliruan yang paling besar misalnya telah dikemukakan oleh Huntington,<sup>5</sup> yang mengadaikan dunia pasca perang dingin akan dipenuhi oleh pertembungan atau '*clash*' sama ada dalam bentuk konflik atau peperangan yang diakibatkan oleh perbezaan budaya dan agama pelbagai ras dan suku bangsa dunia. Selain itu '*clash*' juga akan lebih cenderung berlaku antara dunia barat dengan dunia barat terutama dunia barat yang kaya berbanding dunia Asia yang miskin. Dalam percaturan atau pertembungan itu dunia barat akan mengetuai proses pensejagatan dan menjadi model kepada ketamadunan dunia.

Para pelajar membesar dalam cengkaman budaya hedonistik yang bermaharajalela, tenggelam dalam lautan nafsu syahwat yang buas. Benih yang lahir dari sulbi ummah ini adalah benih yang lemah, celaru identiti diri, mandul budi pekerti sehingga mereka di seret jauh dari panduan dan bimbingan Ilahi. Remaja hari ini adalah anak-anak yang merangkumi budaya negeri matahari terbit, terpesona dengan sogokan pemikiran barat. Lihatlah gelagat dan perilaku mereka, sekerat muslim sekerat sekular. Seolah-olah, dunia tanpa sempadan ini, alaf gajet dan millenium adalah tuhan baharu di dalam kehidupan mereka. Hedonistik dan materialistik menjadi berhala sembah mereka dek kerana ketempangan daya tahan diri lantaran serangan liberalisasi dan sekularisasi.

<sup>3</sup> Mahmood Nazar Mohamed (2001), *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>4</sup> Asmah Haji Omar (1986), *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>5</sup> Samuel P. Huntington (1997), *The Clash of Civilizations and the Remaking of World Order*, London: Simon & Schuster.

Yang menjadi kegilaan mereka adalah para artis dan aktor filem. Yang mengisi kekosongan mereka adalah superstar bola sepak dan anak-anak muda liberalis. Mereka terheret ke lembah kehancuran dan kemusnahan yang bakal memusnahkan tamadun umat dan bangsa ini. Mereka generasi yang hidup tanpa agenda. Kehidupan mereka diwarnai dengan Valentine Day, ketagih dadah, seks bebas dan juga siulan muzik yang entah dari mana asalnya. Begitulah potret remaja generasi kini.

Menurut Tajul Ariffin Nordin,<sup>6</sup> dalam Falsafah Pendidikan Negara, ia mempunyai matlamat yang jelas yang dinyatakan iaitu untuk membina insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan sudah tentunya menjurus ke arah pembinaan insan yang dirujuk kepada institusi sosial dalam masyarakat dan pusat pembentukan nilai, moral dan ilmu pengetahuan.

### **Definisi Istilah Remaja Muslim**

Remaja adalah alam perubahan dari kanak-kanak ke awal dewasa, bermula di sekitar umur 10-12 tahun dan berakhir pada sekitar umur 18-21 tahun.<sup>7</sup> Muslim pula bermaksud orang yang beragama Islam, pengikut ajaran Nabi Muhammad SAW.<sup>8</sup> Remaja dalam bahasa Arab disebut sebagai *murahaqah*. *Murahaqah*<sup>9</sup> berasal daripada perkataan *rahaqa* yang membawa maksud dari sudut bahasanya ialah bodoh, ringan, melakukan keburukan dan kezaliman dan melakukan hal-hal yang diharamkan. Ia satu nama dari tindakan membuat helah, iaitu membebankan seseorang dengan sesuatu yang tidak mampu ia lakukan, dusta serta tergesa-gesa. Manakala perkataan *rahiqa* pula membawa maksud hampir kepada usia dewasa dan hampir sempurna kematangannya. Perkataan *al-rahq* pula bermaksud menguasai dan bertambah. Keadaan yang mencerminkan keadaan emosi seorang remaja.

Remaja menurut Kamus Dewan merujuk kepada mereka yang mulai dewasa, akil baligh, sudah cukup umur untuk berkahwin, mereka adalah masa muda mudi.<sup>10</sup> Dalam bahasa Inggeris, remaja ialah *adolescence* yang berasal daripada bahasa Latin *adolescere* yang bermaksud 'membesar' atau 'membesar menjadi matang'.<sup>11</sup> Ini bermakna zaman remaja adalah suatu proses dan bukannya satu jangka masa. Proses yang dimaksudkan ialah proses mencapai atau memperolehi sikap dan kepercayaan yang diperlukan demi penglibatan yang berkesan dalam masyarakat.<sup>12</sup>

Orang Inggeris menyebut remaja sebagai *adolescent*.<sup>13</sup> Ia bermaksud hampir secara berperingkat kepada kematangan. Tanda-tanda kematangan seorang remaja boleh dilihat daripada kematangan seksual dan kematangan kelenjar reproduksi. Remaja atau *murahaqah* bagi seorang perempuan bermula antara usia 11-13 tahun dan lelaki bermula antara 12-14 tahun. Usia remaja seorang perempuan berlanjutan sehingga berumur 17 tahun. Mana kala lelaki pula ialah berlangsung sehingga berumur 18-19 tahun.

Apabila kita lihat definisi remaja, menurut<sup>14</sup> World Health Organisation (WHO) mendefinisikan golongan remaja di antara usia 10 hingga 18 tahun, di mana remaja adalah populasi majoriti dunia bersamaan 1/5 penduduk dunia. Pada tahun 2008,<sup>15</sup> WHO mengeluarkan statistik terbaru mengatakan jumlah remaja di dunia sekitar 18% dari jumlah dunia. Ini menunjukkan golongan remaja merupakan golongan yang perlu dijaga dan dibina dengan baik dari segala sudut.

Manakala menurut definisi Dr Mustafa Fahmi,<sup>16</sup> dalam buku *Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*, remaja bermaksud meningkat beransur-ansur kepada kematangan tubuh badan, jantina, emosi. Sementara menurut Muhd. Mansur Abdullah dan Siti Nordinar,<sup>17</sup> remaja adalah anak muda yang mengalami alam peralihan antara kanak-kanak dengan tingkah laku orang dewasa.

<sup>6</sup> Tajul Ariffin Nordin (1993), *Perspektif falsafah dan pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>7</sup> Santrock John W. (2002), *Psychology*, Boston : Mc Graw-HNI Companies. ed ke-6, hal: 321.

<sup>8</sup> Kamus Dewan (1998), Kuala Lumpur DBP, C.H, ed.3, hal: 912.

<sup>9</sup> Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub (2006), *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>10</sup> Noresah bt Baharun (2005), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>11</sup> Hasan Hj. Mohd Ali, Dato', Dr (2001), *Kaedah Mendidik Remaja Dalam Keluarga: Peranan Iubapa*. Kuala Lumpur: AKRAB. hal 3.

<sup>12</sup> Jas Laile Suzana Jaafar (1996), *Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1996. hal: 200.

<sup>13</sup> Jaslaile Suzana Jaafar (1996), *Psikologi kanak-kanak dan remaja*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.

<sup>14</sup> F. Godlee (1994), *The World Health Organisation : WHO in Crisis*.

<sup>15</sup> World Health organisation, w.organisation, World Health Statistias 2008.

<sup>16</sup> Mustafa Fahmi, (Terj). Wan Husin Azmi (1976), *Saikologi Kanak-kanak dan Remaja*, Kota Baharu: Pustaka Aman Press Sdn, Bhd.

<sup>17</sup> Mansur Abdullah dan Siti Nordinar Mohd. Tamin (1998), *Psikologi Remaja*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Remaja merupakan usia emas yang perlu dipandu kerana ketika ini pemikiran, kematangan dan jiwa akan dibentuk dan di bina. Keghairahan, sikap ingin mencuba serta ingin berseronok, sememangnya ada dalam diri remaja, tetapi bagaimana dan kemanakah ia dihalakan, adalah menjadi persoalan yang harus dijawab oleh setiap daripada kita.

Sebenarnya dalam diri seorang remaja itu terkumpul sifat baik dan sifat buruk. Sikap bodoh, melakukan kejahatan dan kezaliman, melakukan perkara yang haram dan merbahaya, memaksa dan mendesak serta gopoh adalah antara sikap negatif seorang remaja. Sekiranya tidak dididik dan dibentuk dengan adab yang mulia dan akhlak Islam remaja ini akan terus hanyut tanpa kawalan.

Dalam waktu yang sama, dalam usia ini juga remaja sudah menuju kematangan dan bersedia untuk membentuk diri menjadi baik dan bertanggungjawab. Sebab itu ada setengah ulama menyamakan fasa remaja sebagai fasa *murahaqah*. Di mana seseorang menjadi baligh dan berupaya menerima tanggungjawab seperti menjauhi yang haram dan melakukan yang halal. Justeru, Islam menegaskan pendidikan akidah, adab, fekah dan muamalat perlu ditekankan semenjak zaman kanak-kanak lagi. Perintah ini sebagai persediaan kepada anak yang meningkat remaja, supaya dia mampu menerima tanggungjawab dan berkembang untuk menjadi matang dan bijaksana.

### **Isu Dan Cabaran Pendidikan Remaja**

Persoalan utama dalam pembentukan identiti remaja muslim berkisar kepada peranan "*role model*" dalam sejarah pendidikan mereka. Sirah dan Tamadun Islam merupakan salah satu item dalam Pendidikan Islam yang akan dijawab oleh remaja sekolah menengah di dalam peperiksaan SPM.<sup>18</sup> Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyatakan bahawa perkembangan intelek remaja sekolah sebagai salah satu unsur penting dalam objektif pendidikan Negara. Permasalahan tentang minat, kemenjadian dan pencapaian yang kurang memuaskan dalam mata pelajaran Sejarah Islam bukanlah merupakan perkara baru dalam sistem pendidikan negara. Malah ia telah lama dan terus menjadi perkara penting untuk dikaji dan dicari jalan penyelesaiannya. Banyak juga komen identiti diri di kalangan remaja yang dikatakan semakin luntur dan terhakis di akhbar dan majalah seperti masalah dan gejala vandalisme dan merosakkan harta benda awam termasuklah kemudahan telefon, perhentian bas dan tandas awam.<sup>19</sup> Berdasarkan statistik kes juvana, kejadian remaja terlibat dalam gejala mencuri kabel elektrik, lumba haram, mencuri motosikal dan beberapa gejala tidak sihat yang melibatkan golongan remaja muslim pada hari ini, perlu ditangani dan diberi bimbingan dalam menyedarkan anak bangsa. Melihat kepada permasalahan ini, timbul pertanyaan, bagaimanakah bentuk generasi yang akan di hasilkan untuk abad ke 21 nanti?

Kandungan kurikulum Sirah dan Tamadun Islam memberi penekanan kepada pengetahuan tentang sirah Nabi Muhammad saw, Para Sahabat, Negara Islam dan tokoh-tokoh sejarah Islam yang unggul yang dapat memupuk semangat perjuangan ketamadunan bangsa. Benarkah setiap kali berlaku perubahan pucuk pimpinan terutama selepas pilihan raya, maka akan berlaku pertukaran dalam pemimpin Kementerian Pendidikan yang akan mempengaruhi perkembangan kurikulum. Kerajaan yang memerintah bertanggungjawab menetapkan Dasar Pendidikan Negara. Wiles & Bondi<sup>20</sup> menjelaskan tentang pengaruh politik dalam pembentukan sesuatu kurikulum. Kajian ini akan melihat, adakah ia turut mempengaruhi usaha penerapan unsur-unsur identiti diri di sekolah?

Bagaimanakah pengaruh Sirah dan Tamadun Islam terhadap identiti diri remaja sekolah menengah? Sejauhmanakah matlamat pendidikan Sirah dan Tamadun Islam seperti mana yang dihasratkan telah mencapai matlamatnya? Kalau tidak tercapai sepenuhnya, apakah kekurangan yang wujud? Apakah kelebihan dan kekuatan yang kita ada dalam mencapai matlamat tersebut? Kajian ini juga cuba melihat kemampuan remaja kini menguasai isi kandungan kurikulum dan mempengaruhi identiti diri remaja muslim melalui proses pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam di sekolah menengah.

Kajian ini adalah berkaitan dengan penerimaan remaja muslim sekarang ini, terhadap Sirah dan Tamadun Islam yang mereka pelajari di sekolah dan pemahaman melalui pembacaan serta penghayatan. Kebanyakan remaja muslim hari ini, seolah-olah tidak mengetahui sejarah tamadun Islam yang gemilang. Apa yang mereka pelajari

<sup>18</sup> Mohd Salleh Lebar (1996), *Kurikulum Pendidikan Malaysia*, Kuala Lumpur.

<sup>19</sup> Kamarul Azmi Jasmi (2011), *Pendidikan Islam : Cabaran di Alaf Baru*, Universiti Teknologi Malaysia.

<sup>20</sup> Wiles & Bondi (1989), *Curriculum development: A guide to practice*, Columbus: OH. Merrill.

tidak membumi di dalam hati dan jiwa nurani mereka dan tidak lahir melalui tindakan, jauh sekali terhadap kemenjadian diri mereka dan mempunyai cara hidup yang beragenda.

Isu penjarahan identiti remaja sekolah, hilang sejarah nenek moyang, putus kasih sayang dari ibu bapa, guru dan orang sekeliling perlu dilihat sebagai isu nasional serta perlu ditangani oleh semua pihak kerana membabitkan remaja Melayu Islam yang merupakan barisan pelapis utama negara di masa akan datang. Kajian tentang remaja telah menarik minat ramai sarjana dan pengkaji. Namun kebanyakan kajian lebih tertumpu kepada masalah akhlak dan moral. Fenomena ini mendorong penulis untuk membuat kajian tentang pengaruh Sirah dan Tamadun Islam dalam kalangan remaja sekolah terhadap identiti diri remaja menerusi pembelajaran sejarah Islam di dalam kehidupan seharian mereka.

Remaja sekolah yang mencapai keputusan lulus dalam pelajaran Sirah dan Tamadun Islam tetapi gagal membina diri yang perkasa dan berwibawa bangsa serta cintakan tanah air, akan merugikan negara di masa hadapan. Kegagalan menghayati nilai perjuangan hidup merupakan satu masalah penting. Ia perlu diselesaikan segera supaya generasi Islam yang lahir seterusnya menjadi generasi yang mempunyai agenda membela nusa dan bangsa. Sekiranya masalah ini dibiarkan akan menimbulkan banyak masalah kepada semua peringkat sama ada individu, keluarga, masyarakat dan seterusnya negara dari semua aspek.

Penulis berpandangan, keperluan kepada pembentukan dan penghayatan yang betul tidak boleh dipandang ringan, jika ingin mewujudkan sistem persekolahan yang ideal. Mempelajari Sirah dan Tamadun Islam, perlu diperkasakan dikalangan remaja sekolah hari ini. Kepentingan pembentukan identiti diri remaja sekolah serta penghayatan ilmu yang dipelajari khusus tentang pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam di sekolah menentukan kejayaan objektif dan kurikulum yang dibentuk. Melihat keadaan ini timbullah minat penulis untuk mengkaji tentang pengaruh pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam terhadap identiti diri remaja sekolah menengah di daerah Rembau, Negeri Sembilan.

Jesteru itulah, pengkaji merasa bertanggungjawab untuk menyelidik serta mendalami jiwa anak bangsa yang merdeka hari ini agar kembali ke rumpun sejarah gemilang warisan peninggalan nenek moyang kita supaya memiliki semula identiti diri dan maruah bangsa yang perkasa terutama dikalangan remaja muslim di sekolah. Bangsa yang kenal sejarah pasti mempunyai masa depan yang cerah.

## **Dapatan kajian**

Hasil daripada dapatan kajian yang dijalankan terhadap 300 orang responden mendapati pengaruh pembelajaran sirah dan tamadun Islam terhadap identiti diri remaja sekolah menengah adalah sederhana.

### *Analisis Diskriptif Keseluruhan*

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation	Variance
Min Keseluruhan	300	1.00	4.00	2.5733	1.39443	1.944
Valid N (listwise)	300					

Hasil dapatan keseluruhan SPSS bagi item-item Bahagian II (A, B dan C), di dapati bahawa nilai min adalah 2.57 ( SP=1.39 ). Oleh itu, pembelajaran sirah dan tamadun Islam terhadap pembentukan identiti diri remaja muslim di sekolah menengah adalah sederhana.

Melihat kepada pengamatan pengaruh di kalangan remaja sekolah dalam proses pengajaran dan pembelajaran unsur sejarah, masih wujudnya banyak kelemahan yang perlu diatasi. Ini dibuktikan dengan dapatan kajian iaitu dengan skor min yang sederhana iaitu 2.57. Kebanyakan remaja sekolah tidak biasa dengan membuat bacaan awal bagi topik yang akan dipelajari dan mereka tidak bersiap sedia untuk menghadapinya. Dalam proses pembelajaran, kebanyakan remaja sekolah tidak mengambil peluang untuk mengemukakan pandangan atau idea yang ada pada diri mereka, malah mereka juga kurang berbincang dengan guru tentang idea-idea tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa kelebihan di kalangan remaja sekolah dalam mengamalkan kesedaran ketika proses pembelajaran. Kebanyakannya suka menjalankan aktiviti yang telah disediakan oleh guru. Ini dapat dibuktikan dengan min yang lebih tinggi jika hendak dibandingkan dengan yang lain. Item yang ke-8 iaitu "Saya suka menziarahi tempat-tempat bersejarah" memperoleh 49.3 %.

Menurut Erikson,<sup>21</sup> melalui teori Perkembangan Psikososial iaitu pelajar perlu melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti penyiasatan serta melakukan aktiviti dalam kumpulan. Ia sekaligus dapat merangsang aktiviti kognitif pada aras yang lebih tinggi. Namun begitu, wujud faktor yang paling mempengaruhi pelajar ialah sayang dan cintakan nabi Muhammad SAW serta rasa bersemangat untuk mencontohi semangat perjuangan nabi, para sahabat dan tokoh-tokoh Islam yang agong. Ini menunjukkan bahawa remaja sekolah banyak dipengaruhi oleh faktor lain seperti faktor internal antara lain jasmani, kematangan pemikiran atau faktor psikologi berbentuk bakat, minat, kecerdasan, motivasi dan kemampuan kognitif mahupun prestasi. Latar belakang keutuhan keluarga juga memberi pengaruh yang kuat kepada remaja sekolah untuk memahami sejarah perjuangan Nabi Muhammad SAW serta para sahabat dan tokoh-tokoh Islam yang hebat.

Di dalam kajian ini, responden adalah terdiri daripada remaja sekolah menengah yang terpilih di daerah Rembau. Bilangan responden adalah seramai 300 orang iaitu responden lelaki adalah seramai 141 orang dengan peratusan (47.0%), manakala jumlah responden perempuan adalah seramai 159 orang dengan peratusan (53.0%). Kesemua responden adalah terdiri daripada remaja tingkatan 1-5. Sebilangan besar responden dalam kajian ini terdiri daripada tingkatan 1 ialah 87 orang yang mewakili (29.0%) dan dari tingkatan 2 seramai 73 orang yang mewakili (24.3%). Sebahagian kecil sahaja dari responden tingkatan 5. Ini kerana semasa kajian lapangan dijalankan, responden menengah atas terlibat dalam kelas-kelas untuk peperiksaan percubaan dan seminar peperiksaan.

Manakala bilangan sekolah yang telah dibuat tinjauan di kawasan Rembau, iaitu Sekolah Menengah Sains Rembau, Sekolah Menengah Agama Rembau dan SMK Abdullah, Astana Raja, Rembau, Negeri Sembilan. Purata bilangan responden di setiap sekolah ialah seramai 100 orang yang mewakili (33.3%). Responden ada yang tinggal di asrama dan ada yang tinggal di rumah. Bilangan responden yang tinggal di rumah ialah 113 orang dengan peratusan (37.7%), manakala responden yang tinggal di asrama ialah seramai 287 orang yang mewakili (62.3%). Sebahagian besar responden dalam kajian ini tinggal di asrama dan mempunyai banyak masa untuk belajar dan mendapat pengalaman bersama rakan-rakan dengan pelbagai aktiviti yang dibuat secara terancang.

Jadual 5.2.1 : *Descriptive Statistics Sekolah Kajian*

Dapatan <i>Descriptive Statistics</i> Sekolah Kajian						
	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation	Variance
Min Sek Men Sains Rembau	100	1.00	4.00	2.1100	1.41346	1.998
Min Sek Men Agama Rembau	100	1.00	4.00	2.8200	1.33621	1.785
Min Sek Men Datuk Astana Raja	100	1.00	4.00	2.7900	1.32798	1.764
Valid N (listwise)	300					

Hasil dapatan SPSS bagi item-item Bahagian II (A, B dan C) dari setiap sekolah yang dikaji, di dapati bahawa nilai min bagi Sekolah Men Agama lebih tinggi berbanding dengan sekolah harian biasa dan aliran Sains. Dapatan menunjukkan Sek Men Agama Rembau mengikut min adalah 2.82 (SP=1.33). Pengkaji mendapati pengaruh pembelajaran sirah dan tamadun Islam terhadap pembentukan identiti diri remaja di sekolah menengah lebih di lihat kepada remaja yang ada suasana pembelajaran Ad-Deen di sekolah. Ini bermakna biah atau suasana sekeliling yang sentiasa dihidupkan dengan budaya pengaruh sejarah Islam akan membentuk identiti diri remaja sekolah yang mampan seperti mana yang dinyatakan oleh Muhammad Norhisham,<sup>22</sup> menyatakan juga suasana atau biah sekolah agama amat mempengaruhi remaja sekolah menengah, di mana suasana atau biah sekolah agama memberi kesan yang positif terhadap pembentukan identiti diri remaja muslim. Oleh sebab itulah, membina identiti diri remaja muslim, fokus tempat, budaya, persepsi dan tindakan, tidak seharusnya memberatkan jasmani sahaja, malah pembinaan ilmu, rohani dan pembelajaran sejarah Islam seperti mana yang di tuntutan dalam Islam perlu turut dititikberatkan.

Dari segi tajuk sirah dan tamadun Islam yang paling diminati oleh remaja sekolah dalam pembelajaran dari buku teks KBSM, kajian mendapati bahawa menunjukkan 195 orang yang mewakili (65.0%) meminati tajuk

<sup>21</sup> Erikson, E. (1956), *The Problem of Ego Identity. Journal of American Psychoanalytic Association*, 4, 57.

<sup>22</sup> Muhammad Norhisham (2015), "*Biah Solehah pelajar Sekolah Menengah Agama*" PhD thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 2015. hal : 1

Riwayat hidup Rasulullah SAW, adalah pilihan tertinggi responden dan hanya 03 orang dengan peratusan (1.0%) meminati perkembangan Islam Bani Abbasiyah, adalah pilihan yang paling rendah dari responden. Ini menunjukkan pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam berjaya mempengaruhi remaja sekolah menengah untuk mendalami perjuangan Islam dan membetulkan agenda kehidupan berpandukan sejarah Nabi Muhammad SAW, para sahabat serta tokoh-tokoh Islam yang mereka pelajari di sekolah.

Antara pilihan tokoh di dalam buku teks KBSM pula, yang paling tinggi seramai 87 orang (29.0%) responden meminati tokoh Saidina Abu Bakar dan 4 orang sahaja (1.3%) meminati Ibnu Khaldun, adalah pilihan yang paling rendah. Pilihan Imam di dalam buku teks KBSM yang paling tinggi ialah Imam Syafie r.a mempengaruhi responden seramai 194 orang (64.7 %), manakala pilihan yang paling rendah ialah Imam Ahmad Hambal r.a mempengaruhi seramai 4 orang sahaja (1.3 %). Ini menunjukkan bahawa tokoh hebat dalam sirah ini mempengaruhi identiti diri remaja sekolah ketika pembelajaran seperti mana juga, menurut Muhammad Hafiz,<sup>23</sup> menyatakan dalam penulisannya bahawa beliau amat tertarik dengan kisah hidup tokoh Saidina Abu Bakar yang membincang tentang perjuangan, kehidupan, ketaqwaan dan keutamaan Khalifah Abu Bakar as-Siddiq.

### **Cadangan Jalan Penyelesaiannya**

Kajian ini hanya melihat secara khusus berhubung pengaruh pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam dan beberapa faktor yang mempengaruhi kementerian identiti diri remaja muslim di sekolah menengah. Tumpuan yang diberikan juga adalah susuk tubuh yang mempunyai agenda dalam menjadi pemimpin yang berwawasan dengan mengambil iktibar dari sejarah Islam yang gemilang.

Penyelidik mencadangkan dalam kajian ini agar penyelidik seterusnya melaksanakan kajian yang memberi tumpuan khusus kepada penguasaan ICT di kalangan pendidik Sirah dan Tamadun Islam. Tujuan utama kajian ini ialah mengenal pasti tahap penguasaan ICT dan kehendak Pendidik Tamadun Islam mengenai ilmu dan kemahiran yang berkaitan dengan ICT. Kajian ini boleh dilakukan secara kualitatif dengan menemubual para pendidik Sirah dan Tamadun Islam.

Hal ini bertujuan para pendidik mampu menggunakan ICT untuk mendapatkan maklumat yang menyeluruh, terkini berkaitan dengan pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam yang merupakan pembelajaran yang memerlukan ilmu dan pemikiran yang bersifat universal. Hal ini sejajar dengan kehendak Kementerian Pelajaran Malaysia seperti mana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, iaitu guru seharusnya mampu meneroka setiap potensi yang terdapat dalam bidang pendidikan ke arah mewujudkan pembelajaran yang berkesan dan bermakna.

Cadangan kedua ialah kajian mengenai bahan bantu belajar yang sesuai dan berkesan untuk digunakan dalam proses pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam. Antara usaha kajian ini ialah mengenal pasti bahan bantu mengajar yang sesuai dan berkesan boleh digunakan agar hasil pembelajaran mudah dicapai oleh remaja sekolah menengah. Pemilihan bahan bantu mengajar juga dapat menarik minat dan pengaruh remaja sekolah mempelajari Sirah dan Tamadun Islam kerana pembelajaran ini adalah berkaitan dengan sejarah. Oleh itu, jika bahan bantu belajar tidak menarik boleh menyebabkan kebosanan dalam mempelajarinya.

Antara saranan yang dikemukakan oleh penyelidik berkaitan dengan pembentukan identiti diri remaja sekolah berdasarkan pembelajaran Sirah dan Tamadun Islam ialah seseorang remaja hendaklah mempunyai sifat-sifat mahmudah iaitu mensucikan hati lahiriah dan batiniah daripada sifat-sifat yang tercela. Pembelajaran sesuatu ilmu pengetahuan pula adalah ibadat batin mendekati jiwa kepada Allah. Jadi untuk mengesahkan ibadat batin ini, terpaksa hati yang bertindak sebagai wadah (bekas) dicuci terlebih dahulu, agar ilmu pengetahuan itu suci daripada sifat-sifat tercela. Remaja mestilah tidak mempunyai sifat sombong kepada ilmunya dan jangan sekali-kali menentang gurunya. Seorang pelajar harus hormat dan berkhidmat kepada gurunya agar mendapat pahala dan kemuliaan di sisi Allah.

Remaja sekolah juga hendaklah menanamkan sifat bertanggungjawab ke atas diri sendiri dikalangan remaja sekolah. Ini dapat mewujudkan motivasi dalam supaya remaja sendiri mahu mengubah dirinya tanpa bergantung kepada mana-mana pihak. Sebagai seorang Islam, tanggungjawab diri bermula dengan proses mengenal diri sendiri. Remaja perlu diajar mengenai sifat-sifat baik dalam dirinya sebagai makhluk yang

---

<sup>23</sup> Muhammad Hafiz bin Khairani (2009), dalam satu penulisan Makalah Agama Islam, "Abu Bakar as-Siddiq: Khalifah Islam yang Pertama, UiTM Perlis, April 16. hal: 2.

istimewa ciptaannya. Remaja seharusnya juga menggunakan akal yang waras dalam penyelesaian masalah dengan bimbingan daripada guru dan ibu bapa atau orang yang lebih berpengalaman. Di sini pentingnya konsep perbincangan untuk mencari penyebab masalah dan jalan penyelesaian.

Kemenjadian remaja sekolah juga amat dipengaruhi oleh faktor disiplin belajar dan lingkungan rakan sebaya. Untuk meningkatkan prestasi belajar, remaja harus dapat menimbulkan disiplin belajar dari kesedarannya sendiri agar dapat menguasai ilmu pembelajaran dan faham sehingga membuahkan hasil yang diperolehi agar dapat membentuk identiti diri ke arah kecemerlangan. Belajar juga hendaklah dilakukan secara terus menerus dan menjadikannya suatu kebiasaan yang rutin. Penumpuan ketika belajar juga akan mempengaruhi remaja sekolah untuk memahami apa yang dipelajari dan tidak secara bermain-main atau tidur di dalam kelas.

Ibu bapa diingatkan supaya mendidik kemenjadian anak-anak berpandukan al-Quran dan al-Hadith yang mulia juga disuburkan dengan pembelajaran sirah supaya menjadi remaja yang berguna. Ibu bapa hendaklah menonjolkan keterampilan dan sahsiah yang baik dan unggul supaya anak-anak dapat mencontohi keperibadian tersebut. Ibu bapa perlu prihatin dengan siapa anak-anak mereka bergaul dan berkawan bagi mengelakkan anak-anak bertingkah laku negatif yang tidak diingini kesan daripada pengaruh rakan-rakan. Ibu bapa juga perlu peka dengan apa yang berlaku di sekeliling anak-anak mereka samada unsur budaya mahupun arus media massa terutamanya yang dibawa dari Barat yang kini memang sukar dibendung. Ibu bapa perlu bijak mengawal pengaruh ini dari mempengaruhi perkembangan mental dan sahsiah anak-anak.

Keperluan untuk mengambil berat terhadap pengetahuan tentang sejarah Islam oleh para pemikir dan pengkaji, juga para pendidik dan remaja sekolah adalah sangat penting. Ini kerana pengetahuan dan pembelajaran tersebut amat membantu mereka untuk memahami kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa semasa untuk dijadikan bandingan dan pengajaran, serta untuk menyelesaikan permasalahan-permasalahan yang sedang berlaku. Ini adalah kerana sejarah akan berulang. Ibn Khaldun berkata bahawa dalam ilmu sejarah, adalah tidak tepat jika seseorang hanya mempelajarinya tetapi tidak membandingkannya dengan apa yang sedang dan akan berlaku pada masa hadapan.

## **Penutup**

Remaja adalah agen perubahan. Remaja hari ini adalah pemimpin yang akan memimpin negara di masa akan datang. Permasalahan remaja hari ini yang semakin kritikal memerlukan usaha yang menyeluruh lagi bersepadu daripada semua pihak. Bukanlah masanya yang tepat untuk kita menuding jari kepada pihak-pihak yang tertentu bagi memikul beban dan tanggungjawab ini. Ini adalah isu nasional yang mesti ditangani oleh kita semua sebagai agenda bersama. Pendidikan agama Islam dengan kembali meneladani sirah dan tamadun Islam yang hebat adalah benteng terakhir dalam menangani masalah ini.

## **Rujukan**

Asmah Haji Omar, 1986. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Erikson, E., 1956. The Problem of Ego Identiti. *Journal of American Psychoanalytic Association*, 4: 56-121.

F. Godlee, 1994. The World Health Organisation: WHO in Crisis. *BMJ*, 309:1424. doi: <https://doi.org/10.1136/bmj.309.6966.1424>

Habibah Elias dan Noran Fauziah Yaakub, 2006. *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hasan Hj. Mohd Ali, Dato', Dr, 2001. *Kaedah Mendidik Remaja Dalam Keluarga: Peranan Iubapa*, Kuala Lumpur: AKRAB.

Jas Laile Suzana Jaafar, 1996. *Psikologi Kanak-kanak dan Remaja*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kamarul Azmi Jasmi, 2011. *Pendidikan Islam: Cabaran di Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Universiti Teknologi Malaysia.



- Mahmood Nazar Mohamed, 2001. *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah laku Manusia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansur Abdullah, Siti Nordinar Mohd. Tamin, 1998. *Psikologi Remaja*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd Salleh Lebar, 1996. *Kurikulum Pendidikan Malaysia*, Kuala Lumpur.
- Muhammad Norhisham, 2015. “*Biah Solehah pelajar Sekolah Menengah Agama*” PhD thesis, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Muhammad Hafiz bin Khairani, 2009. Dalam satu penulisan Makalah Agama Islam, “*Abu Bakar as-Siddiq: Khalifah Islam yang Pertama*”, UiTM Perlis.
- Mustafa Fahmi, 1976. *Saikologi Kanak-kanak dan Remaja*, (Terj.) Wan Husin Azmi, Kota Baharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Samuel P. Huntington, 1997. *The Clash of Civilizations and The Remaking of World Order*, London: Simon & Schuster.
- Santrock John W., 2002. *Psychology*, Boston: Mc Graw-HNI Compenies.
- Tajul Ariffin Nordin, 1993. *Perspektif falsafah dan pendidikan di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wiles, Jon W. & Joseph C. Bondi, 1989. *Curriculum development: A guide to practice*. Columbus: OH.Merrill.
- World Health Organisation, 2008. *World Health Statistics*. <http://www.who.int/whosis/whostat/2008/en/>. Di akses pada 27 November 2017.